

15 MAY 2001

Negara-gulung (Penerangan)

RTM AKAN TERUS SIARKAN PEMBOHONGAN PIHAK TERTENTU

KUALA LUMPUR, 15 Mei (Bernama) -- Radio Televisyen Malaysia (RTM) akan terus menyiarkan pembbohongan yang diucapkan oleh pihak-pihak tertentu, demikian Dewan Negara diberitahu hari ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan Datuk Zainuddin Maidin berkata RTM tidak gentar menyiarkan pembbohongan itu dalam usaha mendedahkan pihak tertentu yang menyebarkan berita palsu.

"Kita akan terus dedahkan pembbohongan itu dan kita berani menghadapi rakyat dalam membuat pendedahan ini," katanya.

Zainuddin menjawab soalan Senator Datuk Abdul Aziz Abdul Rahman ketika beliau menggulung perbahasan yang membabitkan kementerian itu dalam usul ucap terima kasih atas titah ucapan Yang di-Pertuan Agong ketika membuka Penggal Ketiga Parlimen Ke-10 pada 19 Mac lepas.

Beliau berkata sebagai contoh RTM telah menyiarkan kenyataan Pas yang meminta Rektor Universiti Islam Antarabangsa (UIA) Prof Kamal Hassan meletak jawatan kerana mengiktiraf Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai pengasas UIA.

"Kenyataan Pas disiarkan oleh RTM dalam slot Berita Perdana TV1 pada pukul 8 malam tadi," katanya.

Zainuddin berkata berita yang disiarkan oleh RTM bukan pembbohongan kerana dalam keluaran terbaru lidah rasmi Pas, Harakah, telah dimuatkan tulisan yang minta Rektor UIA meletak jawatan kerana dikatakan melakukan satu jenayah dengan mengiktiraf Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai pengasas UIA.

Beliau berkata artikel itu merupakan satu penghinaan terhadap seorang intelektual yang dihormati seperti Prof Kamal dengan menuduhnya berbohong mengenai siapakah sebenarnya pengasas UIA.

Katanya, tuduhan Pas itu tidak berasas kerana RTM pernah menemuramah Rektor pertama UIA dan beliau mengakui bahawa Dr Mahathir merupakan pengasas UIA.

Zainuddin berkata Kementerian Penerangan dan Kementerian Luar Negara telah menubuhkan Jawatankuasa Khas bersama bagi mengambil langkah bersepadu menyebarkan maklumat sahih secara konsisten dan berkesan.

Katanya interaksi dengan wakil media asing akan ditingkatkan agar mereka tidak lagi terdedah kepada pandangan yang berat sebelah, bagi menentukan laporan yang dihasilkan seimbang dan mencerminkan keadaan sebenar.

-- BERNAMA

MUN AKT RI